

**PEJABAT  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
WISMA DARUL IMAN  
TERENGGANU.**

Bil. (36) dim. PTG.TR.(Sulit) 8/80

K. Terengganu: 19hb. Oktober, 1982.

Bersamaan: 2hb. Muharam, 1402.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
Pemungut Hasil Tanah, Ulu Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 12/1982.

Pengeluaran Bahan-Bahan Batu Untuk Diekspori.

Sukacita dimaklumkan bahawa pentadbiran Tanah Negeri Johor menghadapi masalah yang timbul daripada aduan dan dakwaan pengusaha-pengusaha tempatan mengenai penyalahgunaan permit-permit untuk eksport bahan-bahan batuan oleh pengeksport-pengeksport tempatan lalu dengan cara mendapatkan permit dari negeri-negeri lain untuk mengambil bahan-bahan batu dalam negeri Johor.

2. Bagi mengatasi masalah ini Pentadbiran Tanah Negeri Johor telah menetapkan supaya mana-mana pengeksport bahan-bahan batuan yang mengeksport melalui negeri Johor dan bahan-bahan batuan ini datangnya dari luar negeri Johor, mereka hendaklah membuktikan dengan membawa lori atau kenderaan serta muatan bahan-bahan batu untuk dibuat pemeriksaan di mana-mana Pejabat Tanah berikut:-

- i) Pejabat Tanah, Muar
- ii) Pejabat Tanah, Segamat; dan
- iii) Pejabat Tanah, Mersing.

Pengesahan akan ditentukan oleh Pemungut-Pemungut Hasil Tanah di daerah berkenaan di atas permit mengangkat bahan-bahan batu tersebut. Jika didapati terdapat mana-mana lori atau kenderaan yang mengangkut bahan-bahan batuan yang tidak mendapatkan pengesahan di salah sebuah Pejabat Tanah di atas akan ditahan dan tidak dibenarkan menyeberangi Tambak Johor.

3. Oleh yang demikian sekiranya terdapat pengusaha-pengusaha yang mengeksport bahan-bahan batu yang akan menyeberangi Tambak Johor atau ke Singapura, tuan adalah diminta memberitahu kepada pengusaha-pengusaha tersebut mengenai langkah-langkah pentadbiran Tanah Negeri Johor seperti yang dinyatakan di atas.

4. Tarikh kuatkuasa langkah-langkah tersebut ialah mulai 1hb. Oktober, 1982.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' LELA JASA)  
Pengarah Tanah dan Gallan,  
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat,  
Setusaha Kerajaan,  
Terengganu.

(Satu salinan surat Bil. (19) dlm. PTG.TR. 40/72-32 (A) JLD.1 Dikembalikan untuk makluman).

Pengarah Tanah dan Gallan.  
Johor.